

## **Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Melalui Strategi Penguasaan Sebutan (SPS) Segmental dan Suprasegmental**

Ahmad Fared Mohd Din  
*fareddin@gmail.com*

*Akademi Pengajian Islam & Bahasa Arab, Kolej Universiti Yayasan Pahang*

Mohammad Seman  
*masman@um.edu.my*

*Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya*

### **ABSTRAK**

Sebutan yang betul dan jelas akan dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur seseorang. Dalam konteks bertutur bahasa Arab (BA), sebutan yang tidak tepat, akan menatijahkan kesilapan dalam penyampaian makna sesuatu perkataan yang akhirnya akan mengakibatkan mesej yang ingin disampaikan tersasar. Justeru, penggunaan Strategi Pembelajaran Sebutan (SPS) dalam proses pembelajaran dan pengajaran kemahiran bertutur BA perlu diberi perhatian sewajarnya oleh pelajar dan guru. Walaupun kajian mengenai Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) khususnya BA di Malaysia dilihat sedang berkembang, namun kajian mengenai Strategi Pembelajaran Sebutan BA (SPSBA) masih lagi kurang diberi perhatian. Kertas ini membincangkan secara kualitatif berdasarkan sorotan literatur mengenai beberapa masalah sebutan Arab yang dihadapi oleh pelajar BA di Malaysia, asas-asas dalam meningkatkan kemahiran bertutur BA serta cabaran dalam menguasainya. Kajian mendapati bahawa, penguasaan kemahiran bertutur BA bermula dengan penguasaan sebutan yang merangkumi ciri segmental dan suprasegmental. Walau bagaimanapun bukan semua pelajar dapat menguasai aspek sebutan dengan baik dan dalam waktu yang singkat. Oleh itu, peranan SPSBA dalam konteks ini sangat penting dan relevan. Hal ini demikian kerana, penggunaan SPSBA mampu memudahkan pelajar menguasai kemahiran bertutur dan mampu meningkatkan tahap keyakinan dan motivasi mereka. Lantaran tersebut, beberapa cadangan SPSBA juga dikemukakan untuk dimanfaatkan oleh para guru dan pelajar bagi meningkatkan penguasaan sebutan BA dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**Kata kunci** : Bahasa Arab; Kemahiran bertutur bahasa Arab; Motivasi; Segmental dan Suprasegmental; Strategi Pembelajaran Sebutan

## **Enhancing Arabic Speaking Skills Through Segmental and Suprasegmental Pronunciation Proficiency Strategies (SPS)**

### **ABSTRACT**

Proper and precise pronunciation will increase the mastery of one's speaking skills. In the context of the Arabic speaking skill, inaccurate pronunciation will alter the meaning of the message which will result in inappropriate comprehension and interpretation of the message conveyed. Hence, the use of the Pronunciation Learning Strategy (PLS) should be given due attention by students and teachers in the process of teaching and learning. While the study of Arabic Language Learning Strategies (ALLS) in Malaysia is seen as evolving, however, studies on the Arabic Pronunciation Learning Strategy (APLS), are still under consideration. This

paper will discuss qualitatively based on literature review on some Arabic speaking issues faced by Arabic learners in Malaysia, the basics of improving Arabic speaking skills and challenges in mastering the language. This study found that the mastery of the Arabic speaking skill begins with the mastery of pronunciation that includes segmental and suprasegmental features. However not all learners are able to master the pronunciation in a short period of time. Therefore, the role of APLS in this context is vital and relevant. This is because the use of APLS will enable students to master Arabic speaking skills in an easier ways and nevertheless, will increase their level of confidence and motivation. As such, several APLS proposals are also presented for teachers and students to enhance their Arabic pronunciation in the teaching and learning process.

**Keywords:** Arabic Language; Arabic Speaking Skills; Motivation; Segmental and Suprasegmental; Pronunciation Learning Strategy

## PENGENALAN

Kemahiran bertutur merangkumi kemahiran menyebut konsonan, perkataan, ayat dan ujaran di dalam BA dengan betul dari aspek makhraj dan sifat huruf. Ia juga dikenali sebagai ciri segmental. Selain ciri segmental, ciri suprasegmental juga harus diberi perhatian sewajarnya dalam pertuturan. Ciri suprasegmental merangkumi tekanan suara (word stress), intonasi, jeda (penggunaannya adalah untuk memisahkannya dengan elemen-elemen linguistik yang boleh membawa perubahan makna) dan mora (baris panjang dan pendek yang terdapat dalam perkataan).

Kemahiran bertutur bahasa Arab yang baik berkaitan rapat dengan aspek sebutan yang betul dan sempurna. Dalam konteks bahasa Arab (BA), ia mempunyai beberapa keunikan dan keistimewaan yang melibatkan aspek sebutan setiap konsonannya. Hal ini demikian kerana, sebutan konsonan Arab mesti meraikan daerah artikulasi yang tepat dan sifat khusus setiap konsonan yang dibunyikan yang sebahagiannya tidak terdapat di dalam konsonan Melayu. Sebutan yang salah dan tidak tepat akan menatijahkan kesilapan dalam penyampaian makna perkataan dan mesej yang dihantar. Selain itu, kegagalan menguasai sebutan BA dengan baik juga akan menyebabkan mesej yang hendak disampaikan oleh penutur gagal difahami oleh orang lain.

Kriedler (1989) menyatakan bahawa sebutan yang betul dan jelas adalah sangat penting dalam pembelajaran bahasa kerana tanpanya, pelajar mungkin tidak difahami dan mungkin kurang diterima oleh penutur yang lain. Mereka juga perlu mempunyai keyakinan terhadap kemampuan mereka untuk bercakap. Aspek sebutan boleh menjadi salah satu bahagian bahasa yang paling sukar untuk dikuasai oleh pelajar bahasa kedua (Gilakjani, 2012). Sedangkan salah satu keperluan utama bagi melahirkan kecekapan bahasa adalah untuk mendapatkan sebutan yang dapat difahami oleh pendengar. Oleh itu, sebutan yang jelas adalah penting dalam komunikasi. Walaupun pelajar menghasilkan ketidaktepatan dalam perbendaharaan kata dan tatabahasa ketika bertutur, mereka masih lagi mampu berkomunikasi dengan berkesan apabila mereka mempunyai sebutan dan intonasi yang baik (Burns, 2003).

Dalam konteks pembelajaran dan pengajaran (PdP) sebutan BA di Malaysia, kajian mengenainya masih lagi kurang diberi perhatian sewajarnya. Kebanyakan kajian adalah lebih menumpukan kepada kajian mengenai SPB BA secara umum. Menurut Harun Baharudin (2017), elemen sebutan dalam sesuatu bahasa adalah merupakan suatu topik yang besar dan relevan secara praktikal, namun fokus pengkaji dan guru bahasa terhadap isu ini kurang diberi perhatian. Menurut beliau lagi, sebutan adalah merupakan elemen penting dalam kejayaan komunikasi yang perlu diterapkan oleh guru dalam aktiviti-aktiviti berbahasa di dalam dan di

luar bilik darjah melalui pembelajaran dan latihan yang berterusan samada bersama rakan, guru atau penutur jati. Kebanyakan guru dilihat tidak memberi perhatian khusus kepada pengajaran fonologi dan elemen suprasegmental dalam kelas bahasa kerana beberapa alasan seperti hendak mengejar silibus, masa PdP tidak mencukupi dan sebagainya. Lantaran tersebut, penumpuan aspek pengajaran sebutan sering dipinggirkan. Kesan dari tindakan tersebut menghasilkan pelajar yang tidak mampu menyebut perkataan dengan makhraj yang betul dan tepat, tidak menggunakan intonasi yang sesuai apabila bertutur ataupun mengujarkan ungkapan, tidak membunyikan tekanan suara yang bersesuaian pada suku kata tertentu dalam perkataan atau rangkai kata dan tidak menyebut vokal mengikut panjang atau pendek dalam sesuatu perkataan.

Di antara objektif PdP Kurikulum Standard Sekolah Menengah 2016 (KSSM) bagi subjek BA ialah untuk melahirkan pelajar yang mampu bertutur dalam pelbagai konteks dengan sebutan yang fasih. Ini menunjukkan bahawa hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kecekapan komunikatif yang baik hasil dari pembelajaran BA di peringkat menengah selama beberapa tahun. Berdasarkan hasrat ini, maka elemen segmental dan suprasegmental merupakan antara komponen terpenting yang perlu diberi perhatian oleh guru (Harun Baharudin, 2017) dalam PdP mereka. Walau bagaimanapun, dapatan kajian akademik yang dijalankan oleh beberapa pengkaji dalam bidang ini telah menunjukkan sebaliknya.

Kertas ini bertujuan untuk membincangkan mengenai strategi penguasaan sebutan BA (segmental dan suprasegmental) dalam kalangan pelajar melalui sorotan kajian lepas, faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan sebutan BA, strategi pengajaran dan pembelajaran sebutan dan beberapa cadangan strategi penguasaan sebutan BA yang boleh dimanfaatkan oleh guru dan pelajar. Justeru terdapat dua persoalan yang ingin dijawab melalui kajian ini iaitu (a) Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar yang berkaitan dengan sebutan BA ? dan; (b) Apakah cadangan strategi penguasaan sebutan yang boleh dimanfaatkan oleh guru dan pelajar bagi meningkatkan penguasaan kemahiran berututur BA ?

## **STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA DAN SEBUTAN**

### **Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)**

Terdapat pelbagai definisi SPB yang telah berikan oleh para sarjana dalam bidang ini. Kepelbagaian definisi ini adalah berdasarkan kepada perbezaan sudut pandang para sarjana terhadap kata kunci yang mendasari SPB. Terdapat sarjana yang melihat SPB sebagai satu teknik atau perancangan khusus oleh pelajar dalam memperoleh pengetahuan mengenai bahasa yang dipelajari (Rubin, 1975). SPB juga didefinisikan sebagai usaha untuk memajukan ilmu bahasa dan kemampuan sosiolinguistik dalam mencapai matlamat pembelajaran bahasa (Faerch & Kasper, 1984). Selain itu, sebahagian sarjana melihat SPB dari sudut perilaku khusus yang digunakan oleh pelajar untuk memahami, mempelajari dan menyimpan maklumat baharu (O'Malley, J.M. & Chamot, 1990). SPB juga telah didefinisikan sebagai satu langkah atau tindakan khusus oleh pelajar bagi menjadikan proses pembelajaran bahasa semakin mudah, lebih cepat dan menyenangkan. Ia juga lebih bersifat pembelajaran sendiri, lebih berkesan dan mudah disesuaikan dengan situasi baharu (Oxford, 1990).

Mohamed Amin (1996) telah mendefinisikan SPB sebagai satu perancangan atau tindakan oleh pelajar dalam usahanya untuk meningkatkan proses pembelajaran mereka. Manakala Kamarul Shukri (2009) pula mendefinisikan SPB sebagai tingkah laku atau tindakan khusus yang diambil oleh para pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat menjadikan pembelajaran semakin seronok, lebih sendiri, lebih efektif dan lebih mudah dipindahkan ke suasana baharu.

Daripada pelbagai definisi SPB yang telah dikemukakan oleh para sarjana dapat dibuat kesimpulan bahawa SPB ialah suatu teknik atau tindakan sistematik yang tersusun dan terarah yang diambil oleh seseorang untuk memastikan sesuatu pengetahuan atau kemahiran dapat dikuasai dengan mudah, berkesan dan dapat digunakan kembali ketika diperlukan bagi tujuan meningkatkan kecekapan dalam komunikasi, pembelajaran sendiri dan menyelesaikan masalah.

### **Strategi Pembelajaran Sebutan (SPS)**

SPS didefinisikan sebagai satu tindakan khusus yang diambil oleh pelajar untuk menjadikan pembelajaran [sebutan] lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih berorientasikan diri, lebih berkesan dan lebih dapat dipindahkan ke situasi yang baru. Definisi ini adalah selari dengan definisi SPB oleh (Oxford, 1990). SPS perlu digunakan oleh pelajar dalam usaha mereka untuk menguasai ciri segmental dan suprasegmental dengan lebih cepat dan menarik.

### **TAHAP PENGUASAAN CIRI SEGMENTAL DAN SUPRASEGMENTAL DALAM KALANGAN PELAJAR BAHASA ARAB DI MALAYSIA**

Terdapat beberapa kajian mengenai masalah penguasaan ciri segmental dan suprasegmental yang dihadapi oleh pelajar BA di Malaysia. Di antaranya ialah analisis oleh Mohd Azidan (2004) mengenai beberapa masalah gangguan bunyi Melayu dalam sebutan Arab yang dihadapi oleh pelajar iaitu :

- (a) kecenderungan pelajar untuk memindahkan cara sebutan konsonan bahasa Melayu (BM) ke dalam bunyi BA kerana penutur terpengaruh dengan sebutan bunyi bahasa ibunda tatkala menyebut bunyi bahasa kedua. Contohnya, pemindahan sebutan konsonan [ k ] kepada konsonan [ ق ], pemindahan sebutan konsonan [ h ] kepada konsonan [ ح ], pemindahan sebutan konsonan [ ? ] kepada konsonan [ ع ].
- (b) ketika pelajar menyebut konsonan iṭḥāq (konsonan yang disebut dengan sebutan yang tebal). Contohnya sebutan konsonan [ ص ] disebut seperti bunyi konsonan [ s ], sebutan konsonan [ ض ] disebut seperti bunyi konsonan [ d ], sebutan konsonan [ ط ] disebut seperti bunyi konsonan [ t ], sebutan konsonan [ ظ ] disebut seperti bunyi konsonan [ z ].
- (c) keliru dengan sebutan di antara konsonan-konsonan Arab. Contohnya sebutan konsonan [ ص ] dan konsonan [ س ], sebutan konsonan [ ط ] konsonan [ ت ], sebutan konsonan [ هـ ] dan konsonan [ ح ], sebutan konsonan [ ز ] dan konsonan [ ذ ], sebutan konsonan [ س ] dan konsonan [ ش ].
- (d) aspek sebutan konsonan dengan ḥarakat (baris panjang dan pendek) yang betul. Pelajar didapati tidak menyebut vokal Arab panjang dengan betul kerana padanan vokal berkenaan disebut secara pendek sahaja dalam BM. Contohnya perkataan كَرِيمٌ (karīm) disebut dengan (karim) dalam BM.
- (e) tidak dapat mengenal pasti sebutan vokal yang sebenar dalam BA kerana vokal-vokal Arab tidak ditulis dalam bentuk abjad tetapi sebaliknya dilambang dengan ḥarakat atas, bawah dan depan.

Nur Afifah (2012) dalam kajiannya mengenai masalah sebutan bunyi vokal bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di IPTA telah mendapati bahawa pelajar menghadapi masalah sebutan vokal BA dengan ketara. Antara kesilapan yang dilakukan pelajar termasuklah menukar kedudukan vokal panjang dan vokal pendek, memanjangkan vokal pendek, memendekkan vokal panjang, menggugurkan dan menggantikan vokal dalam golongan kata nama dan kata kerja. Penggunaan vokal yang salah juga dikesan berlaku dalam semua jenis bilangan suku kata BA sama ada perkataan yang mempunyai dua suku kata sehinggalah kepada

perkataan yang mempunyai 6 suku kata. Apa yang lebih mengejutkan dalam dapatan kajian beliau ialah kesilapan sebutan bunyi vokal berlaku dalam kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan BA di sekolah menengah. Keadaan ini dapat memberi petunjuk bahawa aspek sebutan BA mungkin tidak diberi penekanan yang sewajarnya di dalam kelas oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Nazratul Aini et al., (2016) pula telah merumuskan bahawa pelajar Melayu masih lagi menghadapi masalah yang ketara dalam aspek suprasegmental. Kajian mendapati bahawa masalah tersebut berlaku kerana pelajar gagal menyebut perkataan Arab dengan tekanan suara yang betul pada suku kata dalam perkataan yang diberikan. Hal ini disebabkan oleh pengetahuan pelajar dalam aspek tekanan suara masih lemah. Lantaran tersebut, kepentingan mendedahkan kepada pelajar cara menutur perkataan Arab mengikut suku kata yang betul adalah sangat penting bagi memperbaiki gaya pertuturan dan sebutan mereka supaya tidak terkesan dengan gaya bahasa Melayu.

Kaseh Abu Bakar & Muhammad Faiz (2018) yang mengkaji mengenai aspek tekanan perkataan Arab dalam kalangan penutur Melayu telah mendapati bahawa penguasaan pelajar dalam aspek tersebut masih lagi menunjukkan kelemahan yang ketara. Dalam kajiannya sekurang-kurangnya terdapat seorang sahaja dari peserta kajian yang secara konsisten telah memperlihatkan tekanan utama bagi lima daripada enam pola perkataan yang diuji. Tiada peserta kajian yang konsisten memperlihatkannya pada ketiga-tiga perkataan bagi pola perkataan \KVK\KV\KVV\KV\. Begitu juga didapati tiada pola perkataan yang dapat disepakati kedudukan tekanan utamanya oleh kelima-lima orang peserta kajian. Beliau akhirnya merumuskan bahawa guru yang melaksanakan aktiviti PdP BA tidak menitik beratkan aspek sistem suara, seperti sebutan huruf, tekanan dan intonasi yang betul dipercayai turut menyumbang kepada gangguan dalam sebutan perkataan Arab dalam kalangan penutur jati bahasa Melayu.

Masalah lain yang dihadapi pelajar dalam aspek sebutan BA seperti mana dilapor dalam kajian lepas ialah pelajar tidak menggayakan intonasi mengikut intonasi Arab yang sesuai ketika bertutur BA (Abd. Rauf, 2005) dan masalah untuk menutur dan menyebut bahasa baru seperti bahasa Arab (Sabariah Othman, 2011).

Berdasarkan beberapa kajian yang telah dinyatakan di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa, penguasaan aspek sebutan (segmental dan suprasegmental) dalam kalangan pelajar BA di Malaysia masih lagi berada pada tahap yang kurang memuaskan. Hal ini perlu diberi perhatian segera kerana aspek sebutan memainkan peranan yang amat penting dalam ketrampilan komunikatif (Morley, 1998). Lantaran tersebut, guru BA tidak harus mengasingkan pengajaran elemen sebutan dalam aktiviti bertutur harian mereka bahkan kedua-dua aspek segmental dan suprasegmental perlu diterapkan dan diperkasa pengajarannya (Harun Baharudin, 2017).

### **BAGAIMANA MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA ARAB**

Untuk membolehkan seseorang itu menguasai kemahiran bertutur BA, ia bermula dengan beberapa asas penting. Asas pertama ialah mempunyai motivasi dan keyakinan untuk berbahasa. Motivasi merupakan antara faktor terkuat dan terpenting dalam pembelajaran aspek sebutan bahasa sasaran kerana ia akan melonjakkan minat dan usaha pelajar untuk menguasainya (Rokoszewska, 2012). Menurut Oroujlou & Vahedi (2011), motivasi dan sikap akan memberi dorongan utama kepada pelajar untuk memulakan pembelajaran bahasa dan kemudiannya bertindak sebagai daya penggerak bagi mengekalkan proses pembelajaran yang panjang. Pengembangan kemahiran komunikasi hanya boleh berlaku jika pelajar mempunyai motivasi dan peluang untuk menyatakan identiti mereka sendiri dan berkaitan dengan orang-orang di sekeliling mereka (Littlewood, 1981). Apabila motivasi pelajar meningkat, tahap

keyakinan bahasa mereka juga akan meningkat. Moyer (2007) menjelaskan bahawa pengalaman dan orientasi positif terhadap bahasa yang diperolehi oleh pelajar mampu menjadi faktor penting dalam membangunkan aspek sebutan mereka sehingga menghampiri sebutan penutur jati Arab. Boonkit (2010) berpandangan bahawa pelajar yang mempunyai tahap ketidakyakinan bahasa yang tinggi tidak akan dapat menunjukkan kemampuan bertutur yang baik seterusnya akan menghilangkan motivasi untuk bertutur. Oleh itu, pengalaman mengenai ketidakyakinan berbahasa yang disebabkan oleh perasaan malu, takut dan gugup harus dihapuskan segera dari dalam diri pelajar (Chan Swee Heng et al., 2012).

Menurut Songsiri (2007), keyakinan dan kecekapan bertutur pelajar boleh dikembangkan melalui reka bentuk sukatan pelajaran yang sesuai, kaedah mengajar serta tugas dan bahan pembelajaran yang mencukupi. Ini sekaligus akan meningkatkan motivasi pelajar dan menambah keyakinan mereka untuk bertutur. Namun begitu, pandangan sebahagian dari pihak penyelidik bidang ini, guru dan pelajar bahasa kedua bahawa aspek sebutan bahasa kedua tidak begitu penting telah menyebabkan perkembangan dalam aspek pengajaran sebutan kurang diberi penekanan sewajarnya (Elliott, 1995).

Oleh itu, para guru seharusnya bersedia untuk memperkenalkan aspek sebutan kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bentuk yang dapat menarik minat pelajar mempelajarinya. Guru juga harus mempunyai keupayaan untuk menyebut perkataan yang diajar dengan baik supaya dapat ditiru oleh pelajar. Pendekatan yang akan digunakan oleh guru seharusnya berkait dengan strategi yang sesuai. Hal ini demikian kerana, dalam konteks penguasaan sebutan BA, ketidakmampuan pelajar menyebut perkataan BA dengan sebutan yang tepat akan menyebabkan mereka gagal menyampaikan mesej dengan jelas dan tepat. Lantaran tersebut, tahap motivasi dan keyakinan pelajar mestilah dipertingkatkan sepanjang pembelajaran aspek sebutan.

Asas kedua ialah pengetahuan mengenai bahasa. Menurut Goh & Burns (2012), pengetahuan mengenai bahasa merujuk kepada kemampuan menyebut bahasa secara bijak dan boleh difahami pada tahap segmental dan suprasegmental, mengetahui struktur dan tatabahasa serta memiliki kosa kata yang mencukupi dan memahami bagaimana perkaitan ucapan yang ujaran sesuai dengan situasi. Manakala El-Tingari (2016) menjelaskan bahawa, pengetahuan mengenai bahasa merangkumi pembelajaran mengenai sebutan seperti bagaimana huruf dibunyikan, bagaimana menyebut intonasi yang sesuai dan tekanan suara yang tepat semasa membuat ujaran selain belajar tentang terma-terma dalam bahasa dan tatabahasa. Walau bagaimanapun, pengetahuan mengenai bahasa semata-mata masih tidak memadai untuk melahirkan pelajar yang menguasai kemahiran bertutur bahasa kedua tanpa disertakan dengan kemahiran menggunakannya.

Justeru, asas yang ketiga ialah kemahiran menggunakan pengetahuan mengenai bahasa dan berlatih menggunakannya. Kemahiran dalam konteks ini bermaksud keupayaan untuk memahami dan mengingati makna yang membolehkan pelajar menyebut, mengucapkan bunyi dan menyusun struktur bahasa mengikut peraturan bahasa yang betul selain memberi penekanan kepada idea untuk berkomunikasi dengan penutur lain. Ia merangkumi aspek penting seperti : (a) apa yang hendak diujarkan, (b) bagaimana untuk mengujarkan, (c) bila untuk mengujarkannya dan; (d) apakah hubungan yang mahu jalinkan dengan pendengar melalui ujaran yang diungkapkan (Bygate, 1987). Selain itu, keupayaan pelajar meniru sebutan seperti sebutan oleh penutur jati juga merupakan aspek penting dalam kemampuan menggunakan bahasa yang dapat digarap melalui latihan yang berterusan.

Menurut Brown (2008), pelajar yang baik akan sentiasa sedar tentang kebolehan mereka dalam menguasai aspek sebutan dengan cara meniru bunyi yang dihasilkan oleh penutur jati bahasa sasaran. Menurut Burns (2012), pembelajaran bertutur dan kesempatan untuk berlatih serta melakukan pertuturan perlu dikonseptualisasikan sebagai peluang

pembelajaran tersusun dan disokong untuk membangunkan pelbagai komponen kompetensi bertutur. Peluang pembelajaran perlu digunakan untuk berlatih mengungkapkan ayat mengikut sebutan yang betul dan tepat samada ketika bersendirian, bersama rakan atau guru di dalam mahupun di luar kelas. Hal ini demikian kerana, sesuatu pengetahuan yang dipelajari akan hilang sekiranya pengetahuan itu tidak digunakan. Selain itu, peluang menggunakan bahasa yang dipelajari dapat direalisasikan dengan bertutur bersama penutur jati. Apabila pelajar mencari peluang untuk bertutur dengan penutur jati, maka tahap sebutan juga akan dapat dipertingkatkan. Lantaran tersebut, guru seharusnya memberi ruang dan peluang seluasnya kepada pelajar untuk berlatih menggunakan bahasa yang telah dipelajarinya sama ada di dalam mahupun di luar kelas.

Dalam konteks penguasaan sebutan BA, ia merujuk kepada kemampuan pelajar menyebut perkataan, rangkai kata dan ayat BA dengan sebutan yang betul dari aspek makhraj dan sifat huruf, menyebut dengan tekanan suara yang betul pada suku kata tertentu dalam perkataan, menyebut ayat BA dengan intonasi yang sesuai dengan situasi pertuturan dan ayat yang disebut boleh difahami dan boleh memahamkan pendengar. Selain itu, aspek kebolehan membunyikan perkataan setepat yang mungkin supaya setiap perkataan yang dituturkan itu dapat difahami oleh pendengar dengan baik.

Asas yang keempat ialah penggunaan strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk menguasai kemahiran bertutur. Strategi pembelajaran yang terlibat ialah Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) yang juga mencakupi Strategi Pembelajaran Sebutan (SPS). Penggunaan SPB yang tertentu telah terbukti berkesan dalam meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar termasuk kemahiran bertutur BA. Kajian empirikal telah membuktikan bahawa penggunaan SPB dan SPS telah berjaya meningkatkan motivasi, menggalakkan pembelajaran sendiri dan dapat menyelesaikan masalah menguasai kemahiran bertutur (Linamalini & Kamarul Shukri, 2014; O'Malley et al., 1985; Oxford, 1990; Pawlak, 2010; Şimon, Kilyeni, & Suci, 2015). Ia juga mempunyai hubungan yang kuat dengan kecemerlangan prestasi bahasa seseorang (Zamri Mahamod, 2015).

Menurut Pawlak (2010), bagi memastikan penggunaan strategi berkesan, pelajar harus sedar mengenai SPS dan boleh memilih mana-mana strategi yang bersesuaian dengan mereka dalam menjayakan pembelajaran aspek sebutan. Selain itu, bagi pelajar yang lemah dalam aspek sebutan, mereka harus sentiasa mendekati pelajar yang cemerlang dalam aspek tersebut untuk mengetahui dan mempelajari SPS yang digunakan oleh mereka kerana usaha tersebut sedikit sebanyak akan membantu meningkatkan penguasaan sebutan dalam kalangan pelajar yang lemah sebutan (Szyzka, 2015). Lantaran tersebut, bagi mencapai penguasaan bertutur, pelajar atau individu haruslah menggunakan satu set strategi pembelajaran yang berkesan seperti berlatih menyebut perkataan kemudian cuba mencari peluang untuk bertutur dengan penutur jati sambil mengawal pertuturannya dan memberi perhatian kepada bagaimana pertuturan itu dapat diterima dan adakah pertuturan itu mencapai tahap yang baik atau sebaliknya dan memastikan intonasi yang digunakan adalah tepat (Rubin, 1975).

Kesimpulannya, kemahiran bertutur BA dapat ditingkatkan melalui peranan guru dan kesungguhan pelajar. Guru melalui proses pengajaran berperanan untuk meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar, melonjakkan minat serta sentiasa memberi dorongan kepada mereka untuk menggunakan bahasa yang dipelajari. Guru juga harus menjadikan diri mereka sebagai model berbahasa Arab yang boleh diikuti oleh pelajar, mempunyai kebolehan dan menguasai dengan baik aspek sebutan dan aspek suprasegmental serta mempunyai pengetahuan yang luas mengenai aspek strategi pembelajaran bahasa terutamanya pembelajaran sebutan. Manakala pelajar pula harus menunjukkan kesungguhan dalam mempelajari dan menguasai aspek sebutan BA melalui penggunaan strategi yang sesuai dengan

diri mereka. Selain itu, pelajar juga harus sentiasa mempergiat latihan menyebut dan menggunakan bahasa yang dipelajari dalam situasi yang sesuai.

### **CABARAN DALAM MENGUASAI ASPEK SEBUTAN BAHASA ARAB**

Penguasaan sebutan BA yang tepat dan betul bukanlah suatu perkara yang boleh dicapai dengan mudah dan cepat. Ia adalah suatu proses yang panjang dan meleihkan yang dipengaruhi oleh beberapa pembolehubah (Szyszka, 2015). Hal ini demikian kerana, terdapat beberapa cabaran yang perlu ditempuhi oleh pelajar sebelum dapat menguasainya dengan baik. Cabaran ini melibatkan faktor pelajar itu sendiri yang memberi kesan kepada pembelajaran sebutan mereka (Lim Swee Kim, 2017) selain cabaran yang melibatkan faktor guru bahasa (Harun Baharudin, 2017).

Antara cabaran yang dihadapi oleh pelajar ialah seperti (a) gangguan dari bahasa ibunda seperti terdapat bunyi-bunyi dalam BA yang hampir sama dengan bunyi-bunyi dalam bahasa Melayu (BM), (b) cabaran dalam membunyikan perkataan Arab dengan menepati makhraj dan sifat huruf serta sebutan vokal panjang dan pendek (Kamarulzaman & Nik Mohd Rahimi, 2000), (c) cabaran menggayakan intonasi yang sesuai dengan situasi, (d) cabaran menyebut tekanan yang sesuai pada suku kata tertentu dalam perkataan (Kaseh Abu Bakar & Muhammad Faiz, 2018; Nazratul Aini et al., 2016), (e) tidak ada motivasi dan keyakinan diri untuk bertutur BA (Abdul Hakim et al., 2015; Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal, 2014) dan; (f) persepsi serta sikap pelajar terhadap pembelajaran aspek sebutan. Manakala cabaran untuk pelajar menguasai aspek sebutan yang melibatkan faktor guru ialah : (a) kemahiran bertutur tidak diberi perhatian sewajarnya oleh guru dalam proses PdP dan; (b) aspek kompetensi guru yang mengajar sebutan dan kemahiran bertutur BA (Harun Baharudin, 2017).

Bagi mengatasi cabaran-cabaran ini, guru harus menguasai sebaiknya pengetahuan mengenai SPS dan bersedia mengajarkannya secara eksplisit di dalam kelas kemahiran bertutur. Guru juga harus menyedarkan pelajar tentang kepentingan penggunaan SPS dalam menguasai sebutan BA. Manakala pelajar pula harus menggunakan SPS ketika mempelajari aspek sebutan dan ketika berhadapan dengan masalah untuk menguasainya. Sebagai kesimpulan, penguasaan sebutan BA dapat dijana melalui dua bentuk strategi yang melibatkan guru dan pelajar. Pertama ialah strategi pengajaran sebutan oleh guru dan kedua strategi pembelajaran atau strategi penguasaan sebutan oleh pelajar.

### **STRATEGI PENGAJARAN SEBUTAN BAHASA ARAB**

Kejayaan pelajar menguasai sebutan BA tidak hanya bergantung kepada usaha oleh mereka sendiri tetapi mesti dibantu oleh strategi pengajaran yang berkesan, menarik dan dapat memotivasikan mereka. Segala aktiviti samada di dalam dan di luar kelas yang dirancang oleh guru bahasa harus memfokuskan kepada pemerolehan dan penguasaan kedua-dua ciri sebutan iaitu ciri segmental dan suprasegmental. Selain itu, guru juga harus berperanan meningkatkan kesedaran dalam diri pelajar mengenai kepentingan menguasai sebutan, melakukan latihan yang berterusan dan memberi peluang kepada pelajar untuk bertutur dalam BA. Dalam hal ini, Harun Baharudin (2017) telah mengemukakan tiga strategi pengajaran sebutan yang boleh dipraktikkan oleh guru bahasa.

#### **Strategi Pertama: Mengenal Pasti Masalah Pelajar Dalam Sebutan**



Masalah pelajar dalam aspek sebutan BA perlu dikesan oleh guru seawal mungkin. Hal ini penting bagi memastikan setiap aktiviti pembelajaran yang dirangka akan dapat menyelesaikan masalah yang timbul. Masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam sebutan BA boleh dikesan oleh guru melalui beberapa cara. Antaranya ialah dengan cara membandingkan ciri-ciri yang terdapat di dalam ibunda pelajar terbabit dengan ciri-ciri yang terdapat di dalam BA. Hal ini bagi mengenal pasti tahap kesukaran dan halangan yang akan dihadapi oleh pelajar ketika menyebut konsonan Arab. Selain itu, ketika aktiviti komunikasi sedang berjalan di dalam kelas antara sesama pelajar, guru boleh mendapatkan maklumat mengenai tahap sebenar penguasaan sebutan pelajar melalui pemerhatian yang dijalankan. Melalui cara ini, guru dapat mengenal pasti masalah pada komunikasi dan sebutan pelajar. Seterusnya, guru akan dapat memfokuskan ciri-ciri sebutan yang harus mereka tumpukan di dalam kelas (Gilakjani, 2012). Cara seterusnya ialah dengan memperbanyakkan latihan komunikasi samada di dalam mahupun di luar kelas. Ini bertujuan untuk menentukan apakah sebutan dan ujaran pelajar yang tidak tepat. Melalui latihan juga, guru dapat mengenalpasti ciri-ciri sebutan yang perlu diberi perhatian dalam proses PdP.

### **Strategi Kedua: Mengajar Ciri Segmental Dan Suprasegmental dalam Pengajaran Sebutan**

Bagi memastikan pelajar menguasai kemahiran bertutur BA dengan baik, guru juga harus menitikberatkan elemen suprasegmental seperti intonasi, tekanan dan harakat dalam strategi pengajaran sebutan. Burns (2003) berpandangan bahawa ciri-ciri segmental harus menjadi tumpuan utama dalam pengajaran sebutan. Namun begitu, terdapat kajian menunjukkan bahawa apabila guru memberi tumpuan kepada pengajaran ciri suprasegmental, tahap kemampuan pelajar untuk difahami dan memahamkan pendengar ketika bertutur dapat dipertingkatkan. Lantaran tersebut, kedua-dua ciri ini harus diberi penekanan seimbang dalam pengajaran (Burns, 2003).

Hal ini bukan sahaja penting dalam meningkatkan keupayaan pelajar mengayakan intonasi dan tekanan pada suku kata dalam perkataan yang sesuai dengan situasi pertuturan, bahkan ia mampu untuk menjadikan pertuturan pelajar lebih difahami kerana terdapat kejelasan dalam pemahaman dan makna yang hendak disampaikan. Menurut Harun Baharudin (2017), strategi ini boleh dimulakan dengan aktiviti mendengar di mana guru meminta pelajar mendengar dengan teliti dan berterusan bagi meningkatkan keupayaan intonasi, membandingkan intonasi BA dengan intonasi BM, meniru dialog dan melakonkan watak dan akhir sekali dinilai tahap penguasaannya.

### **Strategi Ketiga: Fokus Kepada Membangunkan Aspek Kecekapan Komunikasi**

Kecekapan komunikasi adalah manifestasi kepada kejayaan pelajar dalam pembelajaran bahasa BA. Ia dapat dicapai apabila pelajar dapat bertutur dalam BA dengan fasih dan jelas, dapat difahami dan dapat memahamkan pendengar, dapat mengujarkan ungkapan sesuai dengan situasi pertuturan serta dapat menghayati budaya bahasa tersebut. Lantaran itu, aktiviti yang menjurus kepada latihan sebutan melalui penggunaan bahasa komunikasi harian perlu diperbanyakkan. Aktiviti-aktiviti komunikatif seperti permainan bahasa, lakonan dan main peranan juga perlu dimasukkan ke dalam aktiviti pembelajaran sebutan BA (Muhammad Azhar & Hassan Basri, 2011; Oradee, 2013). Selain itu, pelajar juga perlu diberi peluang untuk bertutur dengan penutur jati. Ini bagi membolehkan mereka menggunakan segala pengetahuan mengenai aspek sebutan, intonasi, tekanan dan harakat dapat digunakan dalam situasi sebenar. Komunikasi dua hala antara pelajar dan penutur jati juga akan dapat meningkatkan keyakinan pelajar ke tahap yang lebih tinggi lagi dalam bertutur BA (Fathen Suriati et al., 2001).

## **STRATEGI PENGUASAAN SEBUTAN BAHASA ARAB**

Penguasaan sebutan BA yang baik, dapat dihasilkan melalui penggunaan SPS pada tahap yang maksima oleh pelajar. Pengkaji melihat bahawa penggunaan SPS boleh digunakan pada tiga tahap pembelajaran iaitu: (a) strategi sebelum mempelajari sebutan, (b) strategi ketika mempelajari sebutan dan; (c) strategi setelah mempelajari sebutan.

### **Strategi Sebelum Mempelajari Sebutan BA**

Persiapan dan kesiapsiagaan pelajar sebelum memulakan pembelajaran adalah faktor penting dalam kejayaan mempelajari aspek sebutan. Pelajar perlu berada di dalam keadaan yang sihat tubuh badan terutamanya organ pendengaran (telinga) dan organ artikulasi (mulut, bibir, tekak, kerongkong, langit-langit dan lidah). Pendengaran yang baik akan membantu pelajar merakam bunyi sebutan konsonan-konsonan Arab, intonasi dan tekanan suku kata perkataan dengan jelas, manakala organ artikulasi yang sihat akan membantu pelajar meniru dan menyebut kembali bunyi yang telah dirakam dengan makhraj yang tepat. Selain itu, bagi meningkatkan keyakinan diri sebelum memulakan pembelajaran sebutan, pelajar disaran untuk sentiasa memberi galakan kepada diri sendiri untuk menguasai sebutan, sentiasa ingat bahawa aspek sebutan dalam kemahiran bertutur BA adalah merupakan aspek yang penting untuk dikuasai, menjanjikan hadiah kepada diri sendiri (samada dalam bentuk pujian kepada diri sendiri atau berehat beberapa jam setelah menguasai sebutan konsonan atau intonasi tertentu atau dalam bentuk material) setelah berjaya menguasainya dan memperbanyak doa semoga pembelajaran aspek sebutan sentiasa dipermudahkan. Pelajar juga harus sentiasa menyedari bahawa kesilapan dalam menyebut BA adalah merupakan suatu perkara yang biasa berlaku dan merupakan prasyarat untuk berjaya dalam menguasai aspek sebutan.

### **Strategi Ketika Mempelajari Sebutan BA**

Terdapat pelbagai strategi penguasaan sebutan yang boleh digunakan oleh pelajar ketika mempelajari aspek sebutan BA. Ia boleh digunakan secara bersendirian, bersama rakan atau bersama guru bahasa. Antara strategi yang boleh digunakan seperti:

1. Membuat nota mengenai pembelajaran aspek sebutan dan sentiasa memberi perhatian khusus ketika pembelajarannya.
2. Membuat tanda-tanda tertentu atau mewarnakan dengan warna tertentu pada perkataan atau ayat untuk mempelajari dan mengingati bunyi sebutan, tekanan, intonasi serta harakat panjang dan pendek.
3. Melukis poster mengenai organ artikulasi dan menulis konsonan yang sesuai dengan organ artikulasi tersebut.
4. Mengaitkan bunyi konsonan tertentu dengan benda atau situasi yang dekat dengan persekitaran pelajar seperti bunyi konsonan [ ح ] dengan situasi pedas atau bunyi konsonan [ خ ] seperti keadaan orang hendak membuang kahak.
5. Merakam sebutan konsonan atau ayat secara bersendirian atau bersama rakan dan kemudian memperdengarkan semula sebutan tersebut dan membandingkannya dengan sebutan yang tepat dan betul.
6. Mendengar rakaman sebutan perkataan atau ayat oleh guru atau penutur jati dan kemudian meniru sebutan tersebut dengan suara yang kuat samada secara bersendirian atau bersama rakan.
7. Membaca teks BA dengan suara yang kuat dengan memberi fokus kepada sebutan konsonan atau perkataan tertentu di dalam teks tersebut.

8. Membandingkan cara sebutan pelajar dengan sebutan penutur jati.
9. Merakam suara ketika menyebut perkataan atau ayat secara bersendirian atau bersama rakan dan meminta penutur jati atau guru anda memberi komen tentang kekuatan dan kelemahan sebutan tersebut.
10. Berlatih menyebut perkataan atau ayat BA di depan cermin dengan memberi perhatian kepada perubahan bentuk mulut, bibir dan sebagainya ketika menyebut perkataan atau ayat.
11. Menyertai aktiviti komunikatif seperti lakonan dan main peranan untuk melatih penguasaan sebutan, tekanan dan intonasi.
12. Menggunakan perkataan atau ayat yang dipelajari dalam pelbagai situasi perbualan supaya aspek tekanan dan intonasi dapat dipelbagaikan.
13. Sentiasa menonton rancangan Arab dan mendengar radio dan lagu Arab sambil meniru cara sebutan, tekanan dan intonasi yang dihasilkan.
14. Sentiasa menghayati budaya Arab ketika berlatih menggunakan perkataan dan ungkapan yang sesuai dalam pelbagai situasi seperti situasi ketika sedang makan makanan Arab, ketika memakai pakaian Arab dan ketika bertemu orang Arab.

### **Strategi Selepas Mempelajari Sebutan BA**

Bagi memastikan segala pengetahuan tentang aspek sebutan sentiasa segar dalam ingatan pelajar, strategi seperti membuat ulangkaji mengenai pelajaran sebutan, tekanan, intonasi dan harakat perlu diberi penekanan. Hal ini bagi memastikan segala yang telah dipelajari tidak hilang dan kekal dalam ingatan pelajar. Selain itu, pelajar juga digalakkan untuk sentiasa berusaha mencari bahan-bahan baharu dari internet yang dapat digunakan bagi memperkukuh aspek sebutan seperti memuat turun rancangan berita Arab, lagu-lagu Arab dalam BA standard, keratan-keratan akhbar dalam talian, syair-syair Arab dan sebagainya. Pelajar boleh menggunakan bahan-bahan tersebut untuk melatih sebutan, intonasi, tekanan dan harakat secara lebih berkesan lagi. Pelajar juga perlu sentiasa mencari peluang untuk bertutur BA bersama rakan, guru atau penutur jati. Akhir sekali, pelajar perlu sentiasa membuat penilaian terhadap tahap penguasaan sebutan.

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

Penguasaan bertutur BA yang baik dalam kalangan pelajar di pelbagai peringkat pengajian adalah manifestasi kejayaan mereka dalam pembelajaran bahasa. Kejayaan ini terhasil apabila aspek segmental dan suprasegmental dapat dikuasai sebaiknya oleh mereka. Kejayaan ini juga adalah hasil dari penggunaan SPS yang sesuai oleh pelajar bagi membantu mereka memahami, mempelajari dan sekaligus menguasai kemahiran bertutur dengan lebih mudah, berkesan dan menarik agar semua maklumat yang disimpan dalam memori mudah diperolehi kembali ketika diperlukan dan seterusnya digunakan dalam pertuturan. Ia merupakan suatu unsur yang sangat penting kepada pelajar dalam meningkatkan kemahiran berbahasa, meningkatkan motivasi dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan dan kemampuan berkomunikasi pelajar (Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi, 2009; Lessard Clouston.M., 1997; Oxford, 1990) dalam BA. Ia juga merupakan alat pembelajaran yang sangat berkuasa (O'Malley & Chamot, 1990) dan sangat berkesan.

Penguasaan kemahiran bertutur BA bermula dengan penguasaan sebutan yang merangkumi ciri segmental dan suprasegmental. Ia diperkasa melalui latihan dan penggunaan strategi yang sesuai. Penguasaan sebutan yang baik membolehkan pertuturan pelajar difahami dan dalam masa yang sama dapat memahami pendengar. Walau bagaimanapun bukan

semua pelajar dapat menguasai aspek sebutan dengan baik dalam waktu yang singkat. Oleh itu, peranan SPS dalam konteks ini sangat penting dan relevan. Hal ini demikian kerana, penggunaan SPS mampu memudahkan pelajar menguasai kemahiran bertutur BA dan mampu meningkatkan tahap keyakinan dan motivasi mereka. Ia merupakan kunci utama penguasaan kemahiran bertutur. SPS adalah merupakan teknik yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam memperolehi pengetahuan mengenai sesuatu bahasa melalui perancangan khusus yang dilakukan olehnya (Rubin, 1975).

Bagi memastikan pelajar dapat menguasai sebutan BA, berikut adalah perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan:

1. Proses PdP harus menarik dan dapat meningkatkan keyakinan dan motivasi pelajar untuk menguasai sebutan BA.
2. Guru perlu memberi kesedaran dalam diri pelajar mengenai kepentingan menguasai aspek sebutan BA.
3. Pelajar harus kerap diberi peluang berlatih dan menggunakan bahasa yang dipelajari.
4. Pelajar harus diberi kesedaran tentang kepentingan SPS dalam memudahkan proses pembelajaran aspek sebutan.
5. Pelajar harus diajar mengenai penggunaan SPS secara eksplisit di dalam kelas bahasa.
6. Proses PdP kemahiran sebutan BA harus mempelbagaikan aktiviti yang menarik dan berkesan.

Dalam kertas ini, pengkaji bukan sahaja telah membentang dan membincangkan mengenai beberapa masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan guru dalam aspek PdP serta penguasaan kemahiran bertutur BA, pengkaji juga telah menyenaraikan beberapa strategi yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar dalam menguasai aspek sebutan selain strategi pengajaran yang boleh digunakan oleh guru bahasa dalam memantapkan proses PdP sebutan BA. Ia merupakan suatu aspek yang jarang diberi perhatian oleh sebahagian pengkaji dalam bidang ini.

## RUJUKAN

- Abd. Rauf Hassan Azhari. (2005). Peranan Media Internet Arab dalam Meningkatkan Kemahiran Mendengar dan Membaca di Kalangan Pelajar Melayu: Suatu Tinjauan. *Pertanika Journal Social, Science and Humanities*, 13(1), 83–92.
- Abdul Hakim Bin Abdullah, Ab. Aziz Bin Sulaiman, & Wan Ismail Bin Wan Abdullah. (2015). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 10. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/112>
- Boonkit, K. (2010). Enhancing the development of speaking skills for non-native speakers of English. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 2(2), 1305–1309. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.03.191>
- Brown, M. (2008). Good language learner and pronunciation. In C. Griffiths (Ed.), *Lessons from good language learners* (pp. 197–207). Cambridge: Cambridge University Press.
- Burns, A. (2003). *Clearly speaking: pronunciation in action for teachers*. Macquarie University, Sydney NSW 2109: National Centre for English Language Teaching and Research. Retrieved from [http://www.ameprc.mq.edu.au/docs/research\\_reports/Clearly\\_Speaking.pdf](http://www.ameprc.mq.edu.au/docs/research_reports/Clearly_Speaking.pdf)
- Burns, A. (2012). *A holistic approach to teaching speaking in the language classroom*.
- Bygate, M. (1987). *Speaking*. Oxford University Press.
- Chan Swee Heng, Ain Nadzimah Abdullah, & Nurkarimah Yusof. (2012). Investigating the Construct of Anxiety in Relation to Speaking Skills Among ESL Tertiary Learners. *3L:*

- The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 18(3), 155–161.
- El-Tingari, S. M. (2016). Strategies for Learning Second Language Skills : Arabic Speaking Skills in the Malaysian Context. *International Journal of English Language Teaching and Linguistics*, 1(1), 19–34.
- Elliott, A. R. (1995). Foreign Language Phonology: Field Independence, Attitude, and the Success of Formal Instruction in Spanish Pronunciation. *The Modern Language Journal*, 79(4), 530–542.
- Faerch, C., & Kasper, G. (1984). Two ways of defining communication strategies. *Language Learning*, 34(1), 45–63.
- Fathen Suriati Jusoh, Norlida Alias, Saedah Siraj, Dorothy De Witt, Zaharah Hussin, & Ghazali Darusalam. (2001). Research and Trends in the Studies of Native & Non-native Speaker Teachers of Languages : A Review on Selected Researches and Theses. *The Malaysian Online Journal of Education Science*, 1, 30–42. Retrieved from <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1086254.pdf>
- Gilakjani, A. P. (2012). A Study of Factors Affecting EFL Learners ' English Pronunciation Learning and the Strategies for Instruction. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(3), 119–128. Retrieved from [https://s3.amazonaws.com/academia.edu.documents/32894704/17.pdf?AWSAccessKeyId=AKIAIWOWYYGZ2Y53UL3A&Expires=1552276510&Signature=XKqUnP%2BuZ ZJqm%2Bx8it9dio%2FVcn8%3D&response-content-disposition=inline%3Bfilename%3DA\\_Study\\_of\\_Factors\\_Affecting\\_EFL\\_Learner.pdf](https://s3.amazonaws.com/academia.edu.documents/32894704/17.pdf?AWSAccessKeyId=AKIAIWOWYYGZ2Y53UL3A&Expires=1552276510&Signature=XKqUnP%2BuZ ZJqm%2Bx8it9dio%2FVcn8%3D&response-content-disposition=inline%3Bfilename%3DA_Study_of_Factors_Affecting_EFL_Learner.pdf)
- Goh, C.C.M. & Burns, A. (2012). *Teaching speaking: A holistic approach*. New York: Cambridge University Press.
- Harun Baharudin. (2017). Strategi Pengajaran Sebutan Dalam Pendidikan Bahasa. *Pelita Bahasa*, 17–19.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh, & Mohamed Amin Embi. (2009). Korelasi Strategi Dengan Motivasi ( the Correlation Between Language Learning Strategies and Motivation. *Jurnal Pendidikan Dan Pendidikan*, 24, 109–123.
- Kamarulzaman Abd Ghani, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2000). Pengaruh bahasa Melayu ke atas sebutan bahasa Arab dan kemahiran tilawah al-Quran. *Jurnal SARI*, 18, 67–68.
- Kaseh Abu Bakar & Muhammad Faiz Abdullah. (2018). Tekanan Perkataan Arab Sebagai Bahasa Asing dalam kalangan Penutur Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1), 87–105. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1801-06>
- Kriedler, C. (1989). *The pronunciation of English: A Course Book in phonology, Modern Phonological theory applied to English with exercises and answer key*. Basil Blackwell, Oxford and New York.
- Lessard Clouston.M. (1997). *Language Learning Strategies: An Overview For L2 Teachers*. Japan: Kwansai Gakuin University Press.
- Linamalini Mat Nafi, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2014). Kepelbagaian Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA) Dalam Kalangan Pelajar IPT Kelantan. *The Online Journal Of Islamic Education (O-JIE)*, (Special Issue of ICIED2014), 1–8.
- Littlewood, W. (1981). *Communicative language teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohamed Amin Embi. (1996). *Language learning strategies employed by secondary school students learning English as a foreign language in Malaysia*. University of Leeds.
- Mohd Azidan Abdul Jabbar. (2004). Gangguan Bunyi Melayu dalam Sebutan Arab : Satu Analisis Ringkas. *Pertanika Journal Social, Science and Humanities*, 12(2), 101–110.

- Morley, J. (1998). 'Trippingly on the tongue: Putting serious speech/pronunciation instruction back in the TESOL equation.' *ESL Magazine*, 20–23. Retrieved from <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED432148.pdf>
- Muhammad Azhar Zailaini, & Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2011). Keperluan Aktiviti Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Arab Sekolah Menengah. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11, 67–82.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117–133. <https://doi.org/10.17576/GEMA-2014-1401-08>
- Nazratul Aini Binti Ramli, Che Radiah Binti Mezah, & Yap Ngee Thai. (2016). Penguasaan Pelajar Melayu Terhadap Tekanan Suara Menyebut Perkataan Arab Dari Sudut Intensiti. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(1), 110–123.
- Nur Afifah Binti Mohd. Aminuddin Zaki. (2012). *Masalah Sebutan Bunyi Vokal Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di Ipta*. Universiti Malaya. Retrieved from <http://studentsrepo.um.edu.my/5396>
- O'Malley, J.M. & Chamot, A. U. (1990). *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. Cambridge, U.K.: Cambridge University Press, England.
- O'Malley, J Michael, Anna Uhl Chamot, Gloria Stewner-Manzanares, L. K. & R. P. R. (1985). Learning strategies used by beginning and intermediate ESL students. *Language Learning*, 35(1), 21–46.
- Oradee, T. (2013). Developing Speaking Skills Using Three Communicative Activities (Discussion, Problem-Solving, and Role-Playing). *International Journal of Social Science and Humanity*, 2(6), 533–535. <https://doi.org/10.7763/IJSSH.2012.V2.164>
- Oroujlou, N., & Vahedi, M. (2011). Motivation, attitude, and language learning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 29, 994–1000. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.11.333>
- Oxford, R. L. (1990). *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House Publishers.
- Pawlak, M. (2010). Designing and Piloting a Tool for the Measurement of the Use of Pronunciation Learning Strategies. *Research in Language*, 8, 1–14. <https://doi.org/10.2478/v10015-010-0005-6>
- Regina Lim Swee Kim, M. N. L. A. & K. S. M. T. (2017). Polytechnic Learners' Perception on Pronunciation Acquisition Via Questionnaire Administration Today. *PEOPLE: International Journal of Social Sciences* PEOPLE International Journal of Social Sciences ISSN, 3(1), 721–740. <https://doi.org/10.20319/pijss.2017.s31.721740>
- Rokoszewska, K. (2012). The influence of pronunciation learning strategies on mastering English vowels. *Studies in Second Language Learning and Teaching*, 2(3), 391–413. Retrieved from [https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as\\_sdt=0%2C5&q=The+influence+of+pronunciation+learning+strategies+on+mastering+English+vowels+Katarzyna+Rokoszewska&btnG=](https://scholar.google.com/scholar?hl=en&as_sdt=0%2C5&q=The+influence+of+pronunciation+learning+strategies+on+mastering+English+vowels+Katarzyna+Rokoszewska&btnG=)
- Rubin, J. (1975). What The “Good Language Learner” Can Teach Us. *TESOL, Quarterly*(9), 41–51.
- Sabariah Binti Othman. (2011). *Masalah Penyebutan Huruf Al-Qur'an Di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes*. Universiti Malaya.
- Şimon, S., Kilyeni, A., & Suci, L. (2015). Strategies for Improving the English Pronunciation of the 1st Year “Translation-interpreting” Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 191, 2157–2160. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.04.222>
- Songsiri, M. (2007). *An action research study of promoting students' confidence in speaking*

*English*. School of Arts, Education and Human Development, Victoria University, Australia. Retrieved from [eprints.vu.edu.au/1492/1/Songsiri.pdf](http://eprints.vu.edu.au/1492/1/Songsiri.pdf)

Szyszka, M. (2015). Good English Pronunciation Users And Their Pronunciation Learning Strategies. *Research in Language*, 13(1), 93–106. <https://doi.org/10.1515/rela-2015-0017>

Zamri Mahamod. (2015). *Strategi belajar: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

### **Penulis**

Ahmad Fared Mohd Din ialah calon PhD Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya dalam bidang Pembelajaran Bahasa dan Penilaian. Beliau kini merupakan pensyarah bahasa Arab di Akademi Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP).

Mohammad Seman ialah Profesor Madya di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Beliau berkepakaran dalam bidang Pembinaan Kurikulum Bahasa Arab, Nahu, Sorf dan Linguistik Gunaan. Beliau kini adalah Ketua Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.